

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

9.1.3 Pembayaran Tunggakan Emolumen Dan Tuntutan Yang Belum Diterima

- (1) Bayaran tunggakan emolumen dan tuntutan yang belum diterima oleh pegawai awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan hendaklah selaras dengan keputusan Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan: KK/BSKK(S)/10/100-4/2 JLD.7 (42) bertarikh 31 Mac 2016 iaitu berkaitan Cadangan Semakan Semula Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil 2 Tahun 1986 – Pembayaran Harta Pusaka.
- (2) Ketua Jabatan boleh membayar tunggakan emolumen dan tuntutan yang belum diterima kepada individu yang dinamakan oleh pegawai awam sebagai waris seperti berikut:

(a) Pegawai awam yang memilih opsyen pencen

- (i) Bayaran dibuat kepada waris seperti yang dinamakan dalam Borang Maklumat Peribadi Penjawat Awam melalui Sistem HRMIS. Pasangan yang dinamakan oleh pegawai awam berkenaan hendaklah pada ketika berlakunya kematian merupakan pasangan yang masih lagi di dalam ikatan perkahwinan yang sah;
- (ii) Sekiranya penama dalam HRMIS telah meninggal dunia ataupun pasangan yang dinamakan telah bercerai/meninggal dunia, pembayaran yang dilakukan hendaklah selaras dengan seksyen 26 Akta Pencen 1980 [Akta 227] iaitu pembayaran kepada tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.
- (iii) Tanggungan yang dimaksudkan ialah:
 - balu/duda kepada si mati;
 - anak kepada si mati;
 - ibu kepada si mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya.
- (iv) Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat percanggahan maklumat waris yang dinyatakan di dalam HRMIS dengan Buku Perkhidmatan pegawai, Buku Perkhidmatan pegawai adalah dokumen bertulis yang menjadi sumber rujukan utama.

(b) Pegawai awam yang memilih opsyen KWSP

Bayaran dibuat kepada waris mengikut bahagian atau peratusan seperti penamaan KWSP.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN BAYARAN

- (3) Pegawai awam bertanggungjawab mengemas kini penamaan dan status waris dari semasa ke semasa melalui HRMIS atau penamaan opsyen KWSP.
- (4) Bayaran hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan (yang mana berkaitan) seperti berikut:
 - (a) Salinan penyata akaun/dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan
 - (b) Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/isteri); atau
 - (c) Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ibu); dan
 - (d) Salinan sijil kematian; dan
 - (e) Pembuktian senarai waris seperti dalam [HRMIS](#) atau penamaan KWSP (yang mana berkaitan);
 - (f) Bon Ganti Rugi (Indemnity Bond) seperti di [Lampiran B3](#) /Akuan Ganti Rugi (sekiranya jumlah di bawah RM2,000); atau
 - (g) Salinan surat kuasa mentadbir pusaka (Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah Daerah dan Amanah Raya)(sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00) dan;
 - (h) Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).
- (5) Dokumen sokongan ini adalah bagi memastikan bayaran dibuat kepada waris yang sah dan berhak. Waris yang lain tidak boleh menuntut bayaran yang telah disempumakan oleh Kerajaan.
- (6) Tunggakan emolumen dan tuntutan yang belum diterima oleh pegawai awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan perlu dibayar segera bagi membantu waris meneruskan kehidupan sementara menunggu Harta Pusaka diagihkan mengikut perundangan.
- (7) Amanah Raya Berhad (ARB) menetapkan Harta Pusaka adalah merangkumi aset-aset seperti hartanah, harta benda dan pelaburan yang ditinggalkan oleh si mati.

Wang emolumen dan tuntutan yang belum diterima oleh pegawai awam tidak ditakrifkan sebagai Harta Pusaka.